

20/06/1998

Pastikan hayat parti berpanjangan

DUA Naib Presiden Umno meminta ahli parti itu berusaha memastikan jangka hayat Umno berpanjangan supaya aspirasi rakyat Malaysia dapat dipenuhi buat selama-lamanya.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, semua anggota parti harus mengambil iktibar daripada pesanan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang Umno tidak kekal lama dan sehubungan itu jangan memendekkan hayat parti.

"Kenyataan itu membawa erti yang paling besar bahawa kita harus berusaha mengekalkan jangka hayat Umno dengan memastikan parti sentiasa berada di tahap berpengaruh untuk tempoh yang panjang," katanya ketika mengulas ucapan dasar presiden.

Menurutnya, sejarah menunjukkan tiada sebuah parti politik di dunia yang mampu memerintah sesebuah negara itu untuk selama-lamanya.

Justeru, beliau menggesa semua ahli supaya bersatu padu dengan mengamalkan muafakat bagi memahami perjuangan Umno dan aspirasi rakyat Malaysia.

"Jika kita dapat mengatasi cabaran itu dengan kesungguhan dan keupayaan, maka pemimpin Umno juga akan mempunyai masa yang amat panjang untuk berkhidmat kepada negara dan rakyat," katanya.

Abdullah berkata, senario yang digambarkan oleh Perdana Menteri mengenai situasi pada peringkat dunia dan kesannya adalah bukti Malaysia dalam dunia moden ini, tidak mudah dipisahkan daripada cabaran dan pengaruh yang melanda.

Mengenai reformasi seperti yang dilaung-laungkan oleh sesetengah pihak, Abdullah berkata: "Saya sendiri pun tidak tahu reformasi yang mereka mahukan kerana reformasi boleh dalam pelbagai bentuk."

Bagaimanapun, beliau berkata, Umno sentiasa dikenali sebagai gerakan reformasi bangsa Melayu kerana pelbagai perubahan yang dilakukan sejak dulu sehingga sekarang.

"Sebagai parti yang berdaya maju dan dinamik serta prihatin kepada apa yang berlaku dalam negara, Umno sentiasa membuat perubahan demi untuk kemajuan bangsa dan negara," katanya.

Datuk Seri Najib Tun Razak pula berkata, ucapan Perdana Menteri yang menyentuh mengenai kronisme bertujuan mengingatkan ahli parti supaya tidak melabelkan sesiapa sebagai kroni kerana ia boleh membawa kepada tafsiran berlainan atau konotasi negatif.

Katanya, tafsiran negatif itu mungkin membabitkan seseorang yang berkebolehan dan sudah diuji serta diberi peluang menerajui syarikat besar dan perbadanan serta projek di bawah penswastaan.

"Tidak semestinya mereka yang berkeupayaan ini boleh dianggap kroni. Sebab ada antara kita yang perlu diangkat untuk mengendalikan perbadanan atau syarikat besar.

"Jadi, jika kita label mereka sebagai kroni ia adalah tidak adil kerana mereka adalah orang yang berkebolehan. Justeru, Presiden mengingatkan supaya sebelum seseorang itu dilabelkan kroni, orang yang melabel perlu memeriksa diri mereka.

"Ini kerana dalam negara kita siapa yang tidak dapat faedah daripada Dasar Ekonomi Baru (DEB). Adakah semua orang yang mendapat peluang dan keistimewaan itu tidak mensyukuri apa yang mereka perolehi," katanya.

(END)